

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PANJAR – PANJAR WANG RUNCIT (PWR) AKHIR 2023

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berkaitan Arahan Perbendaharaan 113 (f) yang menyatakan bahawa:

*“Pada penghujung tahun semua Pemegang Panjar hendaklah mengemukakan satu salinan **Sijil Perakuan Panjar** bersama-sama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut kepada **Akauntan Negara** dengan satu salinan kepada **Ketua Audit Negara**. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan bersama-sama rekupmen akhir ke Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat dan apungan berada”.*

3. Sehubungan dengan itu, semua Pemegang Panjar di Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta untuk memastikan dokumen berkaitan Sijil Akhir Panjar disediakan berdasarkan Tatacara Penyediaan Sijil Perakuan Panjar (Lampiran A) seperti berikut:

- i. Sijil Perakuan Panjar, Lampiran I dan Lampiran II bertarikh **31 Disember 2023**;
- ii. Salinan dokumen Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar (Terakhir) dicap / ditulis Rekupmen Terakhir dan disahkan; dan
- iii. Buku Wang Runcit

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk mematuhi arahan berikut:

- i. Semua Pemegang Panjar di PTJ diminta untuk mengemukakan tiga
- ii. (3) set dokumen asal;
- iii. Sijil Perakuan Panjar boleh dicetak mulai **31 Disember 2023**;
- iv. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan kepada Unit Akaun, JANM Negeri Perak selewat-lewatnya pada 5 Januari 2024 (Jumaat); dan
- v. Sebarang transaksi panjar bagi tahun kewangan yang baharu (2024) hanya boleh dilakukan setelah Sijil Perakuan Panjar pada **31 Disember 2023** dicetak.

5. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi En Mohd Rashidi bin Ahmad Nizam, Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462159. Perhatian dan komitmen daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah perlu bagi memastikan proses Penutupan Akaun Akhir Tahun berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**